

Ucapan: ADHO  
421  
40/80

423  
42/80

420  
39/80

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran  
Pada Pembukaan Kursus Latehan Samula Bahasa  
Malaysia Bagi Pensharah2 Bukan Melayu pada  
6hb. April, 1971 pukul 3.00 petang, di-  
S.T.T.I., Jalan Cheras, K.Lumpur.

---

Pada hari yang berbahagia ini, saya berasa amat gembira kerana di-beri peluang berchakap sa-patah dua kata di-hadapan tuan2 dan puan2 sakalian. Saya mengalu2kan kedatangan tuan2 dan puan2 bagi menghadhiri kursus Bahasa Malaysia dalam perkhidmatan yang di-mulakan hari ini.

Ini-lah kali yang kedua, kursus bagi pensharah2 sa-umpama ini dapat di-adakan. Kursus yang pertama telah di-adakan dalam tahun 1963/64, tetapi di-jalankan di-perengkat Maktab. Saya perchaya kursus ini, akan dapat di-adakan saterus-nya pada masa yang akan datang.

Saperti yang tuan2 dan puan2 sedia ma'alum bahawa, dasar Kerajaan untok menjadikan Bahasa Malaysia sa-bagai bahasa pengantar yang tunggal di-dalam pendidekan dan persekolahan di-negara ini, \_\_\_\_\_ dari peringkat sekolah rendah sa-hingga ka-peringkat universiti, ada-lah nyata sekali. Oleh sebab itu, tuan2 dan puan2 ada-lah orang yang sechara langsung terlibat di-dalam melaksanakannya. Menerusi Bahasa Malaysia, kita akan dapat menchapai chita2 untok menyatupadukan raayat negara ini, yang terdiri daripada ber-bagai2 kaum.

Saya mendapat faham bahawa, ada pelajar2 bukan Melayu di-Maktab2 Perguruan dan Pusat2 Latehan Perguruan, sudah pun me-nunjokkan kebolehan mereka yang chemerlang di-dalam menguasai Bahasa Malaysia. Sa-bahagian besar daripada mereka keluaran maktab, telah boleh menyampaikan pengajaran mereka dengan meng-gunakan Bahasa Malaysia di-sekolah2 dalam mata2 pelajaran saperti Seni Lukis, pelajaran teknik, Ilmu Alam, pengajian tempatan, Tawarikh, pendidekan jasmani, melainkan Ilmu Hisab dan Sains. Perkara ini ada-lah sangat menggalakan, dan saya berasa bangga di-atas kebolehan dan kesanggupan mereka itu.

Saya juga di-beri tahu ia-itu, ada di-antara pensharah2 kita yang telah pun **chuba** memberi kuliah mereka dalam Bahasa Malaysia,

dan satengah2-nya pula telah chuba menyampaikan kuliah mereka sapenoh-nya dalam Bahasa Malaysia. Ini ada-lah satu alamat yang baik dan patut di-puji di-atas keberanian, kesanggupan serta kejujoran mereka.

Ini-lah sikap yang di-kehendaki, dan saya menguchap-kan sa-tinggi2 tahniah kapada mereka yang berusaha itu. Walau bagaimana pun, ada terdapat pensharah2 yang belum lagi boleh menggunakan Bahasa Malaysia untok memberi kuliah. Saya berseru kapada pensharah2 berkenaan, supaya belajar Bahasa Malaysia dengan giat dan tekun supaya dapat memberi kuliah dalam Bahasa Malaysia, dan dengan ini, dapat-lah mereka sama2 mengambil bahagian yang chergas di-dalam usaha Kerajaan hendak mendaulatkan Bahasa Malaysia sabagai faktor untok mengujudkan perpaduan raayat yang berbilang bangsa ini.

Tuan2 dan puan2 tentu bersetuju dengan saya bahawa, tujuan dan matlamat Kerajaan itu telah nyata, dan kita tidak boleh meragu2 atau melambat2kan lagi bagi memulakan usaha yang baik dan murni ini. Kementerian Pelajaran akan bersikap tegas terhadap usaha2 untok menchapai matlamat dan perlaksanaan dasar ini.

Ada dua gulongan pensharah yang akan mendapat faedah dari Kursus ini ia-itu, yang pertama mereka yang telah boleh menggunakan Bahasa Malaysia tetapi belum begitu faseh lagi. Dengan menghadziri kursus ini, mereka akan di-beri peluang bukan sahaja untok melichinkan lagi bahasa-nya dari segi pertutoran dan tulisan, tetapi juga dapat mengikuti perkembangan2 baru dalam bahasa itu yang pada masa ini sedang berkembang dengan pesat-nya khas-nya dalam bidang teknik dan sains. Gulongan kedua ada-lah mereka yang maseh belum menguasai Bahasa ini dan yang belum lagi mempunyai keyakinan untok memberi kuliah dalam Bahasa Malaysia. Gulongan ini-lah yang akan mendapat faedah yang besar dengan menghadziri kursus ini. Oleh sebab kursus ini ada-lah kali yang pertama yang di-adakan sa-chara ini, saya perchaya kita akan menghadapi banyak kesulitan2 dan kelemahan2 yang di-harap tuan2 dan puan2 akan dapat memberi chadangan2 yang membena untok panduan yang akan datang. Tuan2 dan puan2 hendak-lah dengan **perasaan** tulus ikhlas, memberi sumbangan untok menjayakan ranchangan ini.

Suka saya menyatakan di-sini bahawa, tanggung-jawab untok menjadikan Bahasa Malaysia bahasa pengantar di-maktab2 bukan sahaja terletak kepada pihak Kerajaan , tetapi lebeh2 lagi kepada tuan2 dan puan2. Segala kemudahan2 yang di-adakan kerana tuan2 dan puan2, saperti menyediakan pensharah2, tempat penginapan dan makan minum, ada-lah, sumbangan dari Kerajaan sabagai bantuan untok memberi galakan2 kepada tuan2 dan puan2. Sayang-nya, kita tidak dapat peluang mengambil semua pensharah2 untok berkursus kali ini; kita berharap mereka yang tidak dapat peluang itu akan dapat menyertai kursus saperti ini pada masa2 yang akan datang kelak. Oleh itu saya harap kepada tuan2 dan puan2 yang sempat hadhir pada kali ini akan dapat menggunakan peluang ini dengan sa-chukup2-nya.

Saya sedar bahawa, tuan2 dan puan2 yang mengikuti kursus ini, akan menghadap beberapa kesukaran sama ada dari segi tempat tinggal, makan minum, dan lebeh2 lagi kerana mengganggu masa chuti. Saya harap tuan2 dan puan2 akan dapat bersabar dan bersama2 akan mengatasi kesusahan2 tersebut.

Saya juga mengetahui bahawa, ada di-antara tuan2 dan puan2 yang berusaha belajar Bahasa Malaysia dengan chara bersendirian. Sabagai manusia biasa, kita memerlukan perangsang dan inspirasi dalam membuat satu2 pekerjaan, termasuk-lah belajar bahasa. Oleh itu kursus ini, akan memberi peluang kepada tuan2 dan puan2 mendapat perangsang dan inspirasi mempelajari Bahasa Kebangsaan dengan chara beramai2.

Memang-lah di-dalam masa yang sengkat ini, kita tidak dapat peluang belajar dengan banyak. Tetapi, jika peluang yang sedikit ini di-guna dan di-amalkan pada sa-panjang masa kursus ini, dapat-lah tuan2 dan puan2 menambahkan pengetahuan dan pengalaman penggunaan bahasa ini.

Saya berharap dengan sa-berapa boleh-nya, ia-itu apabila tuan2 dan puan2 telah tamat mengikuti kursus ini, dapat-lah melanjutkan usaha lagi untok memperaktikkan penggunaan Bahasa Malaysia, bukan sahaja di-waktu kuliah tetapi bertutor dengan sa-siapa juga terutama sa-kali dengan orang2 Melayu. Kerana dengan chara ini sahaja, tuan2 dan puan2 akan dapat mempelajari kemahiran menggunakan bahasa itu. Usaha lanjutan ini-lah yang

paling mustahak sekali bagi tuan2 dan puan2 sakalian.

Saya harap apabila tuan2 dan puan2 balek ka-maktab, tuan2 dan puan2 semua, akan menggunakan Bahasa Malaysia ini di-dalam pertutoran sa-hari2 dengan pensharah2 Melayu, dan saya merayu-lah kepada mereka supaya mereka sedia melayan dan menghargakan usaha tuan2 dan puan2. Dengan chara ini tuan2 dan puan2 akan bertambah maju dan jaya. Ini-lah harapan saya, dan harapan negara.

Terima kaseh.

Kementerian Pelajaran,  
Kuala Lumpur.

6hb, April, 1971



No Siri .....	21
No Penerimaan .....	21/80